

PROSEDUR-PROSEDUR RAWATAN IVF (IN-VITRO FERTILISATION): SUATU KUPASAN BERDASARKAN PANDANGAN SYARAK

MANSOR BIN SULAIMAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENGENALAN IVF

In-Vitro Fertilisation (IVF) merupakan salah satu kaedah rawatan kesuburan untuk membantu pasangan yang mempunyai masalah mendapatkan zuriat yang berjaya dihasilkan menerusi kajian mendalam pada zaman moden ini. Kaedah ini menggunakan teknik persenyawaan di luar rahim dan dilakukan di dalam tabung uji. Antara faktor yang menyebabkan pesakit menjalani rawatan IVF adalah kerana tiub fallopian yang tersumbat atau tiub yang tidak dapat berfungsi, endometriosis, kemandulan lelaki, kemandulan imunologi seperti antibodi antisperm, proses rawatan yang tidak berjaya dan kemandulan yang tidak dapat dijelaskan

(Azantee et al, 2011)

LATARBELAKANG TULISAN

IVF merupakan salah satu daripada isu-isu *ijtihadi* disebabkan tidak ada penjelasan nas secara langsung terhadap hukum penggunaannya. Kebanyakan ulama menghukumkannya sebagai harus, tetapi masih terdapat kekeliruan di kalangan masyarakat berkenaan perkara-perkara di sebalik prosedur perlaksanaan IVF ini sendiri. Antaranya, perkara-perkara berkaitan ibadah dan adab sosial kehidupan. Sehubungan itu, tulisan ini akan mengupas perkara-perkara berkenaan berdasarkan pandangan syarak

FATWA-FATWA BERKAITAN IVF

Bayi tabung uji dari benih suami isteri yang dicantumkan secara terhormat adalah sah di sisi Islam. Sebaliknya benih yang diambil dari bukan suami isteri yang sah, bayi tabung uji itu adalah tidak sah.

Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJKF) kali ke-5 dan ke-6 pada 16 dan 17 November 1982 dan 10 Oktober 1983.

FATWA-FATWA BERKAITAN IVF

Hukum memasukkan embrio ke dalam rahim isteri selepas berlaku kematian suami atau penceraian adalah haram. Selain itu, fatwa memutuskan hukum mencantumkan benih yang dikeluarkan sebelum akad nikah dan kemudiannya dibuat pencantuman dalam tempoh perkahwinan yang sah juga adalah haram.

FATWA-FATWA BERKAITAN IVF

Pengharaman khidmat pihak ketiga untuk 'menumpangkan' bayi di dalam rahimnya setelah embrio dari suami-isteri yang bermasalah kesuburan disenyawakan.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 hingga 3 Februari 2008.

RUMUSAN FATWA

Berdasarkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan dapat disimpulkan bahawa IVF merupakan suatu yang diharuskan penggunaannya kepada mereka yang memerlukan rawatan. Keharusan ini meliputi prosedur-prosedur yang melatari proses IVF itu sendiri.

PROSEDUR RAWATAN IVF

Prosedur 1: Konsultasi Bersama Doktor

Prosedur 2: Rangsangan ubat

Prosedur 3: Pengutipan ovum (ovum pick-up)

Prosedur 4: Pengumpulan Sperma (Seminal Fluid Analysis)

Prosedur 5: Pencantuman ovum dan sperma

Prosedur 6: Pemindahan embrio ke dalam rahim

Prosedur 7: Pembekuan embrio

PROSEDUR 1: KONSULTASI BERSAMA DOKTOR

Peringkat pertama di dalam mendapatkan rawatan kesuburan adalah sesi konsultasi bersama doktor pakar. Penerima rawatan kesuburan perlu melalui beberapa sesi bersama doktor untuk menentukan masalah yang dihadapi dan juga melalui ujian yang bersesuaian dengan masalah tersebut. Susulan daripada perbincangan, dua jenis pemeriksaan akan dilakukan iaitu pemeriksaan wanita dan pemeriksaan lelaki.

Di antara perkara yang memerlukan pandangan syariah dalam prosedur ini:

- I. Persoalan pertemuan antara pesakit dan doktor yang berlawanan jenis
- II. Persoalan membuka rahsia keaiban pasangan kepada orang ketiga iaitu doktor.

Ujian ke atas wanita

Ujian hormon seperti Ujian Perangsang Folikel (Follicle Stimulating Hormone – FSH)/Hormon Peluteinan (Lutenising Hormone – LH)/Estradiol dijalankan

Ujian tambahan Hormon Prolaktin, tiroid, testosterone & androgen dijalankan utk pesakit berkitaran haid tidak menentu.



Pemeriksaan peranakan & penghasilan telur – TVS (Trasvaginal sonography)

Pap smear – 'optional'

Hysterosalpingogram (HSG)/x-ray Rahim, laporoskopi, hysteron contrast sonography (Hy Co Sy) – hanya dilakukan jika dijangka saluran fallopio tersumbat.



Mesin imbasan ultrabunyi (abdominal probe)



Vaginal probe: alatan imbasan ultrabunyi yang digunakan melalui faraj (vagina) semasa ujian TVS dilakukan

KUPASAN ISU 1

Situasi ini dikategorikan sebagai dharurat menurut syarak manakala dalil kepada keharusannya berdasarkan kaedah fiqh yang berbunyi *الضرورة تبيح المحظورات*, yang bermaksud “Kemudharatan membolehkan hal-hal yang dilarang”. Walaupun begitu, kaedah ini dibatasi pula oleh kaedah fiqh yang lain iaitu: *ما ابيح للضرورة يقدر بقدرها* yang bermaksud, “Apa yang dibolehkan kerana adanya kemudharatan ditentukan berdasarkan kadar kemudharatan”.

KUPASAN ISU 2

Situasi yang membawa kepada wajib membuka rahsia adalah berdasarkan 2 kaedah seperti berikut:

Kaedah pertama: تحقيق المصلحة العامة التي تقضى بتحمل الضرر الخاص bermaksud: “Memastikan masalah umum (berlaku) dengan melakukan mudarat yang khusus”

Kaedah ini memberi maksud bahawa dalam keadaan memastikan masalah umum terpelihara maka dibenarkan untuk melakukan sesuatu yang hanya memberikan mudarat kepada pihak atau perkara tertentu sahaja.

Kaedah kedua: ارتكاب اھون الضررين

لتفويت أشدهما لدرء الضرر العام

bermaksud: “Diambil mudarat yang lebih kecil berbanding mudarat yang lebih besar bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar”.

PROSEDUR 2: RANGSANGAN UBAT

Prosedur ini membabitkan penggunaan beberapa jenis ubat untuk merangsang penghasilan ovum pesakit wanita. Dalam melakukan prosedur ini, perkara yang memerlukan pandangan shariah ialah persoalan hukum penggunaan ubat rawatan kesuburan yang tidak halal sekiranya ada

Fungsi	Jenis
Ubat ujian hormon seperti Ujian Perangsang Folikel (Follicle Stimulating Hormone – FSH)/	<ul style="list-style-type: none"> a. Clomiphene citrate b. Ganotrophin (Gonal 'F', Puregon) c. Menonys, Menopur, Foliculin, Foliova
Ubat ujian Hormon Peluteinan (Lutenising Hormone – LH)/	<ul style="list-style-type: none"> a. Ovidrel® b. Pubergen® c. HuCoG®



Beberapa jenis ubat akan digunakan untuk merangsang penghasilan ovum pesakit wanita



KUPASAN

Dibolehkan untuk menggunakan ubat rawatan kesuburan yang tidak halal dalam keadaan yang dikategorikan dharurat berdasarkan firman Allah:

فمن اضطر غير باغ ولا عاد فلا اثم عليه

Maksudnya:

“Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya”.

(al-Quran; al-Baqarah: 173)

Ubat yang tidak halal hanya boleh digunakan dalam keadaan dharurat dengan beberapa syarat iaitu:

- i. Doktor yang mencadangkan ubat itu adalah doktor yang bersifat dengan sifat benar, amanah dan beragama
- ii. Tidak terdapat ubat lain selain daripada ubat yang haram ini.

PROSEDUR 3: PENGUTIPAN OVUM (OVUM PICK-UP)

Pengutipan ovum (OPU) adalah kaedah pengambilan telur dari pesakit wanita melalui faraj dan dilakukan menggunakan kawalan imbasan ultrabunyi. Prosedur ini menggunakan sejenis jarum halus yang tertentu dan boleh dilakukan di dalam keadaan pesakit sedar sepenuhnya dengan pemberian suntikan ubat pelali di bahagian spesifik pada faraj. Kadangkala ubat bius ringan dan ubat penahan sakit diberikan. Terdapat juga pesakit yang diberikan bius sepenuhnya semasa proses ini berjalan bergantung kepada keadaan pesakit semasa prosedur hendak dijalankan. Semasa prosedur dijalankan, cecair dari folikel akan disedut dan disalurkan ke dalam tabung uji dan seterusnya segera diserahkan untuk pemeriksaan oleh ahli embriologi. Ovum-ovum tersebut kemudiannya diletakkan ke dalam piring makmal yang mempunyai media kultur sebelum disimpan di dalam peti inkubator yang ditetapkan pada suhu badan.



Prosedur pengutipan ovum (OPU)

KUPASAN

Jumhur ulama bersepakat bahawa sebarang alat bertujuan untuk perubahan yang dimasukkan ke dalam faraj wanita tidak membawa kepada terbatalnya wudhu (Hamzah, 2008)


Selain itu, proses ini juga tidak membawa kepada implikasi janabah dan haidh.

PROSEDUR 4: PENGUMPULAN SPERMA (SEMINAL FLUID ANALYSIS)

Ketidaksuburan mungkin juga berpunca daripada suami. Oleh itu, beberapa ujian boleh dilakukan iaitu ujian darah serta pemeriksaan imbasan ultrabunyi testis dan prostat. Setelah ujian-ujian tersebut dilakukan (jika perlu), pengumpulan sperma pula akan dilakukan. Umumnya, hasil sampel diperolehi secara masturbasi (onani) yang dilakukan oleh suami atau dibantu oleh isteri. Kesemua sampel sperma tersebut hendaklah dikumpulkan di dalam bekas bermulut besar yang bersih atau steril. Pasangan dinasihatkan untuk tidak melakukan hubungan seksual atau masturbasi dalam tempoh 2 hingga 5 hari sebelum proses pengumpulan ini dibuat. Sampel hendaklah sampai ke makmal tidak melebihi tempoh 1 jam selepas ianya dikeluarkan



Bekas bermulut besar untuk pengumpulan sampel sperma



Rupabentuk sperma yang hanya dapat dilihat dibawah alat mikroskop

KUPASAN

Terdapat pelbagai pendapat berkenaan onani. Bagi pendapat yang mengharamkannya, seorang lelaki itu hanya diharuskan melakukannya apabila mendapat nasihat doktor untuk melakukannya (Hamzah, 2008). Pandangan ini, yang mengharuskan onani apabila dalam keadaan dharurat adalah berdasarkan kaedah fiqh bahawa kemudharatan itu membolehkan apa yang terlarang (Zaidan, 2001).

PROSEDUR 5: PENCANTUMAN OVUM DAN SPERMA

Rawatan bayi tabung uji melibatkan proses rangsangan ovum menggunakan ubat-ubat subur yang tertentu bergantung kepada jenis rawatan atau protokol yang dipilih oleh doktor yang merawat. Ubat-ubatan ini ada yang diambil secara oral tetapi lazimnya menerusi suntikan di bahagian perut untuk suatu tempoh yang tertentu iaitu sekitar 7 hingga 10 hari berturut-turut. Adakalanya masa pengambilan suntikan ini menjadi lebih panjang jika rangsangan yang diberikan tidak memberikan hasil yang sepatutnya.

Proses rangsangan ovum ini memerlukan pemerhatian dan pemeriksaan ujian imbasan ultrabunyi menerusi vagina atau TVS. Proses ini lebih dikenali sebagai *follicular tracking*. Saiz dan bilangan ovum yang membesar akan diukur dari masa ke semasa sehingga ia mencapai saiz sekitar 17 hingga 18mm. Lazimnya pesakit akan menjalani ujian TVS ini 2 hingga 3 kali sebelum ovum menjadi matang. Hasil dari pemerhatian ini, pakar perubatan dapat menganggarkan masa yang terbaik untuk menjalankan pengutipan ovum untuk proses yang seterusnya iaitu pencantuman ovum dan sperma. Semasa proses pencantuman ovum dan sperma untuk proses bayi tabung uji (IVF), sperma yang telah dikumpul dari pesakit lelaki akan dimasukkan ke dalam piring makmal di mana ovum-ovum yang telah dikutip disimpan. Proses ini dilakukan di dalam makmal oleh ahli embriologi.

KUPASAN

Berhubung prosedur ini, di antara perkara yang dipersoalkan adalah penggunaan ubat-ubatan atau media untuk merangsang ovum itu adakah ia halal atau pun tidak. Dalam perkara ini, sepatutnya media tersebut mestilah suatu yang halal berdasarkan hadith Rasulullah yang berbunyi:

ان الله أنزل الداء وجعل لكل داء دواء فتداؤوا , ولا تتداؤوا بالحرام

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit, dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubatnya, maka berubatlah. Tetapi jangan berubat dengan benda yang haram”.

Dalam keadaan tiada alternatif lain maka diberikan keharusan berdasarkan kaedah-kaedah syarak yang tertentu (Salus, 2010). Keharusan ini meliputi ubat-ubatan yang berkaitan makanan dan penggunaan luaran seperti sapuan pada bahagian luka untuk tujuan kebersihan dan mengelakkan serangan kuman. Kaedah-kaedah syarak tersebut, antaranya دفع الضرر, bermaksud “Membuang kesukaran dan menolak kesusahan”. ودفع المشقة رفع الحرج, bermaksud, “Menolak kemudahan mengikut kadar kemudahan tersebut”. الضرورات, bermaksud, “Kemudahan mengharuskan perkara yang dilarang (syarak)”. ارتكاب أخف الضررين لدرء أعلاهما مشروع, bermaksud, “Melakukan suatu yang mendatangkan mudarat yang lebih kecil antara dua mudarat”.

PROSEDUR 6 & 7: PEMINDAHAN EMBRIO KE DALAM RAHIM DAN PEMBEKUAN EMBRIO

Embrio yang telah berjaya berkembang menjadi 2 hingga 8 sel akan dipilih untuk dipindahkan ke dalam rahim wanita tersebut, biasanya pada hari kedua atau ketiga selepas pengutipan ovum (OPU) dilakukan. Proses pencantuman ovum dan sperma boleh menghasilkan lebih dari satu embrio. Selalunya hanya 2 atau 3 embrio akan dipindahkan ke dalam rahim pesakit wanita berkenaan. Embrio yang dipilih akan dipindahkan ke dalam rahim menggunakan kateter. Pakar perubatan lazimnya tidak akan memindahkan terlalu banyak embrio untuk mengelakkan risiko kehamilan berganda. Baki embrio boleh disimpan melalui proses pembekuan embrio sebagai *frozen embryo* atau ianya dibuang. Embrio yang dibekukan boleh digunakan semula tanpa wanita berkenaan perlu melalui proses suntikan hormon ubat subur dan OPU semula.



Embrio yang telah berjaya berkembang



Tempat simpanan embrio

KUPASAN

Pembekuan embrio dan sperma secara umumnya tidak menimbulkan masalah dari sudut syariah sekiranya embrio atau sperma yang dibekukan dikembalikan semula kepada pemiliknya dan digunakan oleh mereka yang ada ikatan perkahwinan yang sah. Perkara ini telah diputuskan oleh Fatwa di Malaysia yang menjelaskan bahawa sebarang proses rawatan IVF ini perlu dilakukan dalam ikatan perkahwinan yang sah dan adalah haram proses ini dilakukan sebelum ada ikatan perkahwinan dan juga selepas penceraian atau kematian suami. Selain itu, adalah haram proses ini dilakukan sebelum ada ikatan perkahwinan dan juga selepas penceraian atau berlaku kematian mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan 1982.

RUMUSAN

Terdapat beberapa isu yang dibincangkan di sebalik prosedur-prosedur pelaksanaan IVF. Isu-isu tersebut kebanyakannya merupakan isu-isu sampingan yang mempunyai hubungan dengan prosedur itu sendiri.

Rujukan terhadap kaedah fiqh khususnya kaedah *dharurah* lebih banyak digunakan berbanding nas al-Quran dan al-Hadith. Bahkan isu yang bersandarkan nas al-Quran dan al-Hadith dalam perbincangan di atas juga masih berkisar dalam perbincangan berkenaan aspek *dharurah* itu sendiri. Ia menunjukkan bahawa kebanyakan isu-isu yang dibincangkan adalah isu-isu yang bersifat pengecualian terhadap hukum asal.

Menerusi kaedah fiqh, secara zahirnya membolehkan atau mengharuskan sesuatu yang ditegah oleh nas, disebabkan adanya masalah untuk melakukannya. Ia secara tidak langsung menunjukkan besarnya peranan masalah dalam penentuan hukum terhadap isu-isu yang berkenaan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hukum-hukum di sebalik prosedur-prosedur rawatan IVF ini banyak bersandarkan kepada masalah itu sendiri. Walaupun begitu, masalah itu sendiri adalah merupakan masalah yang berasaskan kepada nas dan bukan berdasarkan kepada pandangan manusia yang terpisah daripada nas. Ia bertepatan dengan penjelasan yang menunjukkan bahawa penetapan sesuatu masalah itu perlu merujuk kepada nas manakala sesuatu masalah yang tersasar daripada panduan nas adalah merupakan suatu yang tidak boleh dikira sebagai masalah walaupun ramai yang beranggapan begitu.